

UNTUK SIARAN SEGERA

Rambut Cantik Berkilau menjadi Nyata dengan rangkaian baharu Pengering Rambut Panasonic Beauty – *Make Beautiful Happen*

Bandar Utama, 12 November 2016 – Panasonic baru-baru ini memperkenalkan rangkaian baharu Pengering Rambut semasa siri jelajah “*Make Beautiful Happen*” di Pusat Beli-Belah One Utama. Menampilkan dua siri baharu, Panasonic Beauty mensasarkan untuk menyediakan solusi penjagaan rambut terunggul untuk setiap wanita. Dua siri yang diperkenalkan adalah:

1. Siri *Shine Boost*: EH-NE72 & EH-NE71
2 pengering rambut baharu berkuasa 2000W yang menampilkan penjagaan tambahan untuk rambut anda, mengeringkan rambut dengan pantas. Digabungkan bersama Perapian Ion, perlindungan kepada rambut turut dipertingkatkan melalui pengurangan elektrik statik, menjadikan rambut lebih cantik dan berkilau.
2. Siri *Fast Drying* (Pengeringan Pantas): EH-NE64 & EH-ND63
2 pengeringan rambut kompak dan ringan baharu berkuasa 2000W membolehkan rambut dikeringkan lebih pantas dengan rekaan mudah dipegang untuk kestabilan semasa digunakan. Juga dilengkapi Perapian Ion, siri ini sesuai untuk semua jenis rambut.

**Maklumat tambahan mengenai produk tersedia dalam lampiran.*

Make Beautiful Happen adalah tema Panasonic Beauty yang dilancarkan pada 2015. Slogan ini bertujuan untuk menggalakkan kecantikan dalam gambaran yang lebih meluas kerana kecantikan sebenar merangkumi setiap aspek kehidupan insan dan bukan bersandarkan wajah semata-mata.

“Kecantikan ada di sekeliling kita dan ia mungkin satu detik indah atau perbuatan yang ikhlas. Ada ketika, kita sendiri yang perlu melakukannya”

“Dilancarkan pada 2015, tema ***Make Beautiful Happen*** bertujuan untuk menyediakan wanita dengan penyelesaian yang nyata, mudah dan memperkasa. Tujuan utamanya adalah untuk menyokong dan memperkasa wanita Malaysia dengan keyakinan dan kecantikan yang seharusnya mereka miliki,” kata Hiroyuki Muto, Timbalan Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

Tambah Muto, “Siri jelajah ***Make Beautiful Happen*** mempunyai satu matlamat utama, iaitu untuk memperkenalkan kepada masyarakat rangkaian produk Beauty Care (Penjagaan Kecantikan) yang dimiliki oleh Panasonic. Kami juga ingin berkongsi dengan wanita beberapa petua dan teknik penjagaan kecantikan dari pakar profesional”.

Turut hadir pada hari tersebut untuk sama-sama berkongsi petua kecantikan beliau adalah Cik Natalie Tong, artis TVB Hong Kong yang menyerlahkan maksud kecantikan sebenar, dari kedua-dua sudut fizikal dan rohani.

Tentang Panasonic

Panasonic Corporation adalah peneraju global dalam kemajuan teknologi elektronik pelbagai dan memberi penyelesaian untuk pelanggan dalam barangan elektronik pengguna, rumah, automotif, penyelesaian perniagaan dan alatan perindustrian. Sejak penubuhannya pada 1918, syarikat ini telah berkembang secara global dan kini beroperasi dengan 474 anak syarikat dan 94 syarikat bersekutu di seluruh dunia, mencatatkan penjualan bersih bergabung sebanyak 7.553 trillion yen untuk tahun berakhir Mac 31, 2016. Komited untuk mendapatkan nilai baru melalui inovasi pada barisan produk yang terbahagi, syarikat ini menggunakan teknologinya untuk mencipta kehidupan dan dunia yang lebih baik kepada pelanggannya. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang Panasonic: <http://www.panasonic.com/global>.

Tentang Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd adalah syarikat jualan, servis dan pemasaran bagi jenama produk elektrik dan elektronik Panasonic pelbagai jenis dari audio visual, peralatan rumah, penyaman udara, penapis udara dalam rumah, perniagaan solar, digital & kamera video, peralatan penyiaran profesional, penyelesaian sistem, telekomunikasi, kesihatan & penjagaan kecantikan, bateri dan pencahayaan. Semua produk Panasonic boleh didapati melalui pengedar berdaftar seluruh negara. Untuk maklumat lanjut jenama dan produk, lawati laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk ahli media, muat turun penyiaran media dan acara bersama gambar di www.pmpressroom.com

Hubungan Media: Mazlee Mokhtar
Pengurus, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Jabatan Inovasi Pemasaran
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03 7809 7877 Faks: 03 7955 0722
Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com